

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : HARI PELANCARAN PUSPANITA
Lokasi : INTAN, KUALA LUMPUR
Tarikh : 01-03-1983

Yang Amat Berbahagia Datin Maria Musa, Isteri Timbalan Perdana Menteri;

Yang Berhormat Datin Paduka Aishah Ghani, Menteri Kebajikan Am;

Yang Berbahagia Tan Sri Hashim Aman, Ketua Setiausaha Negara;

Yang Berbahagia Puan Sri Zawiyah bte Haji Yaacob, Yang Di Pertua PUSPANITA;

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati.

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Protem PUSPANITA yang telah menjemput saya ke majlis yang permai ini, dan memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Pelancaran PUSPANITA.

2. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Puan Sri Zawiyah bte Haji Yacob, dan semua Ahli Jawatankuasa Kerja Protem, yang telah bekerja keras beberapa bulan ini sehingga Persatuan ini dapat didaftar dan dirasmikan pelancarannya pada petang ini.

3. Penubuhan PUSPANITA merupakan satu lagi detik sejarah dalam pembangunan wanita di negara kita. Anggota perkhidmatan awam Malaysia merupakan tulang belakang jentera Kerajaan bagi pelaksanaan segala dasar dan rancangan yang telah diwujudkan oleh Kerajaan. Jumlah pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam Malaysia dianggarkan berjumlah kira-kira 700,000 orang, tidak termasuk tentera dan polis. Sekiranya para isteri dan anggota wanita dalam perkhidmatan awam Malaysia menjadi ahli PUSPANITA, maka tentu sekali Persatuan ini akan menjadi satu pertubuhan yang besar dan kuat di negara kita.

4. Saya sendiri telah meneliti aktiviti yang telah dijalankan oleh persatuan- persatuan seperti BAKAT (Badan Amal dan Kebajikan Angkatan Tentera), PERKEP (Persatuan Kebajikan Isteri-isteri Polis), PELITAWANIS (Persatuan Wanita Lembaga Letrik Negara), dan lain-lain pertubuhan wanita yang telah diwujudkan. Saya dapati pertubuhan seperti ini dapat memberi sokongan dan sumbangan positif terhadap usaha-usaha Kerajaan membangunkan Negara, melalui kerja-kerja amal bakti. Tentu dengan wujudnya PUSPANITA, para isteri dan anggota wanita setiap lapisan perkhidmatan awam bukan sahaja akan dapat bertukar-tukar fikiran, tetapi juga akan dapat menjalankan aktiviti-aktiviti sosial dan amal kebajikan, serta mendalami ilmu pengetahuan, melalui kursus-kursus latihan.

5. Saya yakin melalui PUSPANITA dapatlah para isteri memahami dengan lebih mendalam lagi tugas dan tanggungjawab suami masing-masing. Penubuhan PUSPANITA adalah amat sesuai sekali memandangkan semua pegawai dan kakitangan Kerajaan, yang akan bekerja dengan penuh cecap, bersih dan amanah, memerlukan persefahaman dan sokongan moral para isteri.

6. Saya berharap PUSPANITA akan mengkaji cara-cara merapatkan hubungan para isteri dan anggota wanita dalam keseluruhan perkhidmatan awam. Salah satu kemungkinan ialah menggabungkan semua pertubuhan-pertubuhan wanita di mana ahlinya terdiri dari isteri dan anggota wanita dalam perkhidmatan awam, termasuk tentera dan polis dan badan-badan berkanun supaya aktiviti-aktiviti mereka dapat diselaraskan.

7. Sebagai satu persatuan yang baru wujud, eloklah kita bersama-sama berazam memikirkan sesuatu yang boleh kita laksanakan supaya arah dan tujuan kita itu dapat ditentukan dan disebar. Tiap-tiap ahli PUSPANITA perlu mengenalinya dan memahaminya supaya tidak disalah anggap oleh sesiapa pun lagi, pada masa akan datang. Kita seharusnya bersatu-padu dan seiring jalan untuk menjayakan matlamat yang telah kita tetapkan itu.

8. Pembangunan ekonomi dan sosial yang pesat selepas negara kita mencapai kemerdekaan telah juga membawa kemajuan di kalangan wanita kita. Kemajuan yang dicapai dalam berbagai lapangan boleh kita banggakan. Walau bagaimanapun, wanita di negara ini boleh mencapai kemajuan yang lebih pesat sekiranya wanita keseluruhannya dapat menanamkan sikap yang lebih positif, terutama sikap dalam usaha mencapai kemajuan yang seimbang dari segi material dan rohaniah.

Dalam usaha-usaha pembangunan ini tentu banyak perubahan pada segi sikap dan pemikiran akan berlaku dan akan menyebabkan kepada perubahan amalan kita setiap hari. Dalam usaha ini peranan wanita akan lebih penting lagi bukan sahaja terhadap keluarga mereka agar mendapat layanan yang baik dan didikan yang sempurna, tetapi juga untuk membantu pembangunan keseluruhannya menerusi amal bakti. Usaha sukarela ini harus diperkukuhkan lagi dan segala kemudahan-kemudahan yang tertentu haruslah disediakan supaya tugas dan fungsi wanita sebagai isteri, ibu dan ahli pendidik akan terus terjamin. Saya yakin PUSPANITA dapat memberi kesedaran dan perubahan sikap ini kepada ahli-ahlinya tentang potensi mereka sebagai isteri, ibu, pekerja dan sebagai anggota masyarakat. Perubahan sikap lazimnya lambat memberi kesan, dan merupakan faktor penghalang yang utama, terutama sekali kepada kemajuan wanita. Faktor-faktor penghalang ini ada kaitannya dengan adat resam, kebudayaan atau sikap wanita itu sendiri. Di sinilah saya fikir pertubuhan seperti PUSPANITA boleh memainkan peranan yang amat penting.

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

9. Dalam usaha kita menjalankan aktiviti-aktiviti persatuan, kita hendaklah sentiasa memberi keutamaan kepada dua perkara. Keutamaan pertama ialah kesihatan bagi membolehkan kita menguruskan rumah-tangga. Keutamaan kesihatan ini menjadi syarat, atau "prerequisite," kepada keutamaan yang kedua iaitu urusan rumah tangga. Kita perlu pandai-pandai menjalankan urusan rumah tangga supaya aktiviti-aktiviti persatuan ini tidak pula menyulitkan kita, malahan membantu kita dalam hal pengurusan rumah-tangga yang lebih baik lagi.

10. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara yang telah memberi bantuan dan galakan bagi penubuhan Persatuan ini. Di samping itu PUSPANITA mungkin dapat diperluaskan dan saya berharap semua Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai-pegawai Daerah akan memberi sokongan untuk mewujudkan cawangan-cawangan PUSPANITA di peringkat Kementerian, Negeri dan Daerah.

11. Saya sudahi dengan doa agar aktiviti PUSPANITA akan dapat bergerak dengan baik dan sempurna dan mencapai matlamat murni Persatuan ini. Dengan itu, saya dengan sukacitanya melancarkan Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.